

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN DUA BUAH KILANG BARU
KUMPULAN SYARIKAT LCL
DI KAWASAN PERINDUSTRIAN BERANANG, SELANGOR
23 OGOS 2002

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan terima kasih kepada syarikat LCL kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan pembukaan dua buah kilang baru.

2. Syarikat-syarikat perkilangan seperti LCL memainkan peranan yang penting dalam memastikan ekonomi negara terus mencatatkan pertumbuhan yang positif. Pada tahun 2001, sektor perkilangan menyumbang hampir 33% kepada keluaran dalam negara kasar dan 87% jumlah eksport negara.

3. Namun begitu, para pengusaha di Malaysia perlu sentiasa peka kepada cabaran-cabaran yang muncul. Gelombang liberalisasi mengakibatkan pengusaha tempatan bersaing di peringkat global. Perlu diingatkan, seluruh kawasan Malaysia akan menjadi suatu kawasan bebas cukai di mana perdagangan di antara 10 buah negara ahli dapat dijalankan dengan bebas, tanpa sebarang sekatan. Untuk mengeksploitasi sepenuhnya potensi ini, syarikat-syarikat di Malaysia harus mempelajari dan memperkuat `networking' di rantau ini.

4. Ramai yang bimbang pewujudan kawasan perdagangan bebas Malaysia, yang dikenali sebagai AFTA ini akan menjejaskan peluang industri tempatan. Walau bagaimanapun, pengusaha di negara ini seharusnya melihat perkembangan ini sebagai satu peluang yang baik. Kajian mendapati AFTA menyebabkan berkembangnya perdagangan intra-Malaysia sejak sedekad lalu. Jika pada 1993 perdagangan intra-Malaysia mencatatkan sebanyak AS\$82 bilion, ia meningkat kepada AS\$160 bilion pada tahun lalu. AFTA bakal meningkatkan asas kompetitif negara Asia Tenggara sebagai pangkalan pengeluaran untuk pasaran dunia, dan bukan lagi serantau semata-mata.

5. Perangkaan ini mencerminkan Malaysia sendirinya adalah pasaran konsumer yang besar bagi Malaysia dengan penduduk melebihi 500 juta orang. Pengusaha tempatan seharusnya mengambil iktibar untuk menerokai pasaran serantau dengan lebih agresif.

6. Untuk memanfaatkan peluang-peluang yang terbit dari pembentukan AFTA, pengusaha tempatan perlu meningkatkan daya saing. Pada tahun lalu, industri produk berasaskan kayu mencatatkan penurunan daripada segi prestasinya. Walaupun tahap pengeluaran meningkat, eksport terjejas berikutan permintaan luaran yang lemah. Ini menyebabkan eksport produk berasaskan kayu menurun sebanyak 18.8 peratus kepada RM14.6 bilion tahun lalu, berbanding RM17.9 bilion pada 2000.

7. Jelas sekali pengeluar perabot tempatan perlu lebih berinovasi. Tumpuan khusus perlu diberikan kepada pembangunan produk dan jenama masing-masing. Pengusaha syarikat berkenaan perlu sentiasa menjalankan ujian terhadap reka bentuk dan bahan baru, untuk kekal seiringan dengan cita rasa dan permintaan segmen perabot rumah dan industri. Ketiadaan inovasi dalam industri ini, hanya

akan menyebabkan produk perabot Malaysia jatuh dalam senarai pasaran eksport negara.

8. Selain itu, sektor ini perlu mengenal pasti langkah baru untuk meningkatkan persaingan eksport, termasuk mengurangkan pergantungan terhadap kayu getah (rubberwood) sebagai sumber mentah. Dengan bekalan kayu getah semakin berkurangan, bahan alternatif perlu dikenal pasti dengan segera. Selain itu, pengusaha industri ini juga perlu mengkaji kemungkinan memperkenalkan sistem automasi dalam operasi kilang mereka, selain meningkatkan kecekapan pekerja.

Saya yakin, dengan perancangan yang terperinci dan usaha yang gigih, industri ini akan berjaya mencatatkan prestasi yang baik pada masa hadapan.

9. Saya tertarik hati dengan kedudukan kedua-dua buah kilang baru ini, yang terletak di kawasan perindustrian beranang. Kawasan ini adalah kawasan luar bandar, di mana tahap kemajuannya mungkin tidak setanding dengan tahap kemajuan di pusat-pusat bandar.

10. Dalam hal ini, institusi-institusi korporat boleh memainkan peranan yang penting untuk memajukan kualiti hidup masyarakat tempatan, terutamanya di kawasan desa. Sudah tentu syarikat-syarikat dapat mempertingkatkan kedudukan ekonomi masyarakat tempatan menerusi peluang pekerjaan. Selain itu, syarikat-syarikat boleh memperkukuhkan jalinan sosial menerusi kerja-kerja sukarela dan menghulur bantuan kebendaan terhadap mereka yang kurang bernasib baik. Syarikat-syarikat boleh memastikan kebersihan dan kemurnian alam sekitar dikekalkan melalui sistem pembuangan sisa yang cekap dan prihatin.

Walaupun kerajaan memikul tanggungjawab utama untuk membawa kemajuan kepada rakyat, kerajaan sentiasa mengalu-alukan perkongsian pintar dengan sektor korporat untuk mencapai matlamat ini.

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak LCL kerana menjemput saya ke majlis pembukaan ini. Saya, dengan berbesar hati ingin mengisytiharkan dengan rasminya, pembukaan dua buah kilang baru milik LCL.

Sekian. Terima kasih.